

**KAEDAH PERKONGSIAN DAN PULANGAN PROJEK USAHA SAMA SECARA PENSWASTAAN OLEH AGENSI / ANAK-ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI MELAKA UNTUK DISALURKAN SEBAGAI HASIL KERAJAAN NEGERI MELAKA**

- 1) **Semua jenis projek usaha sama agensi atau anak syarikat Kerajaan Negeri bersama pihak swasta perlu mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan Negeri (JKP).** Pihak UPEN, JKMM bertanggungjawab menguatkuasa dan memastikan setiap agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri mematuhi sepenuhnya keputusan ini.
- 2) **Kadar 10 peratus sumbangan kepada Kerajaan Negeri** daripada nilai balasan kasar adalah terpakai kepada semua jenis projek usaha sama antara agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri Melaka dengan pihak swasta. Kadar sumbangan bagi setiap transaksi adalah tertakluk kepada perubahan/pindaan dengan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan Negeri (JKP) dari semasa ke semasa;
- 3) Semua anak syarikat dengan pemilikan ekuiti 50 hingga 100 peratus oleh agensi Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada ketetapan kadar sumbangan ini;
- 4) Kaedah pembayaran kepada Kerajaan Negeri adalah melalui bayaran **tunai** yang dikemukakan oleh agensi dan anak syarikat terlibat kepada akaun bank 'Bendahari Negeri Melaka' **setiap suku tahunan**;

- 5) JKPNM dengan kerjasama UPEN, JKMM bertanggungjawab untuk mewujudkan **mekanisma pemantauan** rekod Akaun Belum Terima bagi setiap projek usaha sama yang diluluskan pihak berkuasa melulus bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri dipelihara. Agensi juga hendaklah mewujudkan rekod Akaun Belum Bayar kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan semakan silang kedua-dua pihak secara berkala; dan
  
- 6) Keputusan ini **berkuatkuasa serta-merta mulai 1 Januari 2019**.